

# Kukuhkan pakatan ekonomi serantau

Oleh ZAINUDDIN AYIP


PERTEMUAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Soeharto boleh dikatakan kerap, baik di Kuala Lumpur, Jakarta atau di tempat lain. Tapi pertemuan mereka di ibu kota Indonesia awal bulan ini memang agak istimewa.

Dalam kunjungan kerja lima hari (1-5 Mac), Perdana Menteri ada atucara tersendiri yang agak sibuk. Beliau menjelajah ke tiga tempat yang agak jauh iaitu Jakarta, Bali dan Pulau Batam untuk melihat kemungkinan kerjasama kedua-dua negara dapat dipererat dan diperluaskan.

Selain itu, ada misi utama yang dibawa iaitu untuk meyakinkan Indonesia dan perwakilan persidangan "Asean dan Ekonomi Dunia: Cabaran dan Perubahan" di Nusa Dua Bali mengenai cadangannya menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Memang, Datuk Seri Dr Mahathir bukan ahli perniagaan, tapi tidak semestinya beliau tidak boleh berjaya dalam bidang ini. Buktinya, Perdana Menteri berhasil 'menjual' cadangannya mengenai EAEG kepada Presiden Soeharto dan 1,000 peniaga besar, pakar eko-

• Kita tidak mahu negara atau pihak lain menentukan sejarah kita. Asean juga tidak sepatutnya dijadikan alat kerana ia dengan berdiri sendiri boleh menyumbang sesuatu ke arah pembentukan aliran baru ekonomi antarabangsa



DATUK SERI DR MAHATHIR  
... Asean mesti tetapkan pendirian

dengan pemimpin Jepun, China dan Vietnam baru-baru ini mengenai gagasan Asean itu. "Saya dapati mereka tidak menolak, walaupun belum menyatakan persetujuan rasmi. Saya yakin negara-negara itu, juga negara lain akan bersetuju setelah diberi penerangan jelas," katanya dalam satu sidang akhbar di Jakarta.

dengan ratusan peserta persidangan antarabangsa itu cukup berkesan untuk meyakinkan lebih banyak negara Asia Timur yang lain. Peserta persidangan itu sendiri menyifatkan ucapan dasar Perdana Menteri tegas dan bersahaja manakala setiap soalan dijawab dengan cepat tapi berisi.

Harapan Datuk Seri Dr Ma-

setuju pada dasarnya dan berharap konsep EAEG diperjelaskan lagi supaya tidak menimbulkan kekeliruan di kemudian hari. Perdana Menteri maklum dan untuk itu beliau memberitahu Presiden Soeharto bahawa satu perbincangan khusus mengenai EAEG akan diadakan di Bandung, bulan ini sebelum dilan-

Beliau kluatir, industri Malaysia, Thailand dan Indonesia yang sudah siap untuk menuju ke negara perindustrian akan mengalami kegagalan manakala Singapura yang sudah lebih dulu berbuat demikian akan mengalami kerosakan 'enjin pesawat' di udara.

Hal ini memang tidak boleh dibiarkan apabila melihat penduduk Asean yang meliputi enam peratus penduduk dunia hanya memiliki 1.5 peratus keluaran negara kasar (GNP) dunia. Ini adalah cabaran Asean dan cara terbaik ialah memperkuatkan ekonomi agar lebih bersaing dengan pasaran ekonomi dunia yang sudah sedia wujud.

Datuk Seri Dr Mahathir dan Goh bersependapat bahawa Asean perlu mengatur strategi baru untuk menghadapi perubahan ekonomi dunia sejak akhir-akhir ini. Masyarakat Eropah (EC), misalnya akan mewujudkan pasaran tunggalnya menjelang tahun depan dengan membenarkan beberapa negara Eropah Timur menyertainya.

Amerika dan Kanada pula membentuk blok perdagangan pada 1989 yang akan diikuti Mexico tidak lama lagi. Amerika memang bercita-cita me-

nomi dan pembuat dasar dari beberapa negara selain Asean seperti Jepun, Republik Rakyat China, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Australia dalam persidangan tiga hari di Bali.

Usaha beliau 'menjual' cadangannya tidak semudah yang difikirkan. Melalui jalan berliku yang panjang dengan bebekalkan tekad dan kesabaran, beliau harus menggunakan pengalaman 'berniaga' yang ada untuk memujuk bukan saja pemimpin Asean malah pemimpin Asia Timur lain.

Dalam pertemuan dengan Presiden Soeharto di Jakarta 1 Mac lalu, ketua negara Indonesia itu mencadangkan supaya idea pembentukan EAEG dijadikan gagasan Asean agar fungsinya lebih kuat dan mantap. Perdana Menteri setuju.

Kini EAEG sudah menjadi perjuangan Asean untuk membentuk suatu kerjasama ekonomi serantau yang tidak mengarah pada blok perdagangan. Perjuangan itu yang diharap dapat memberi kesempatan semua negara Asean mengembang ekonomi dan meluaskan pasaran barangan mereka.

Perjuangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Asean tidak berakhir di situ saja. Beliau harus memujuk negara Asia lain yang bukan anggota Asean serta negara Jepun, Republik Rakyat China, Taiwan dan Hong Kong supaya merestui, jika boleh menganggotai EAEG.

Beliau sudah mengadakan pertemuan tidak rasmi

Dalam ucapan perasmian persidangan Asean dan Ekonomi Dunia di Bali, 3 Mac lalu, Presiden Soeharto menegaskan, Indonesia akan menerima secara terbuka, apa saja bentuk kerjasama ekonomi serantau selagi tidak menjejaskan kerjasama Asean yang sedia ada. Mengenai pembentukan EAEG, beliau mahu Asean menggunakan kekuatannya untuk meningkatkan kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota dan rakan kongsi lain.

Bagaimanapun, Presiden Soeharto berpendapat, EAEG tidak harus mengarah menjadi satu sistem blok perdagangan. Untuk itu, sekali lagi Perdana Menteri cuba meyakinkan perwakilan persidangan mengenai mengapa Malaysia mencadangkan pembentukan EAEG.

Dalam ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir di persidangan itu, beliau menekankan bahawa EAEG tidak akan menjadi suatu blok perdagangan, sebaliknya lebih mengarah pada kumpulan ekonomi serantau dengan harapan negara-negara anggota termasuk Asean berpeluang memajukan ekonomi masing-masing.

Menurutnya, negara-negara Asean dan Asia Timur harus mendokong konsep itu apa lagi Amerika Syarikat dan Eropah mula memberi tanggapan positif walaupun sebelum ini mereka menentanginya.

Cadangan dan ketegasan Perdana Menteri yang berani, tegas dan sedia berhadapan

hathir dalam pembentukan EAEG adalah untuk masa depan Asean sendiri sebagai kuasa ekonomi yang kuat pada tahun 1990-an. Ini ada kaitan dengan kata-katanya yang menyebut masa depan sejarah Asean masih kurang jelas ke arah mana yang patut dituju dan diikuti.

"Kita tidak mahu negara atau pihak lain menentukan sejarah kita. Asean juga tidak sepatutnya dijadikan alat kerana ia dengan berdiri sendiri boleh menyumbang sesuatu ke arah pembentukan aliran baru ekonomi antarabangsa," katanya.

Beliau mahu kerjasama ekonomi serantau tidak harus dibatasi di peringkat Asean saja. Ia perlu melewati hingga ke negara Asia lain. Dalam erti kata lain, beliau berkata Asean mampu menyumbang peranan aktif di seluruh dunia.

Bagaimanapun isu menarik dalam persidangan tiga hari itu ialah mengenai masa depan ekonomi Asean termasuk cadangan membentuk EAEG. Malangnya, suara dari Thailand dan Filipina tidak kedengaran kerana negara itu tidak menghantar wakil di peringkat kerajaan di persidangan itu.

Yang jelas, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong mendokong usaha dan cadangan Datuk Seri Dr Mahathir yang kini menjadi gagasan Asean. Beliau bersetuju kerana konsep EAEG itu akan menguntungkan negara-negara Asean sendiri.

Presiden Soeharto pula ber-

jutkan perbincangan terperinci di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, pemerhati persidangan menyifatkan perjuangan Datuk Seri Dr Mahathir 'menjual' dan meyakinkan gagasan EAEG masih belum berakhir. Beliau harus melalui liku-liku panjang untuk memujuk kuasa ekonomi yang lebih besar seperti Jepun, China, Korea Selatan dan Taiwan.

Sebab itulah Perdana Menteri mahu negara-negara Asia Timur bercakap dalam satu suara dan satu nada untuk terus meningkatkan kerjasama ekonomi dan pelaburan.

"Dan inilah yang sulit kerana setiap negara ada gaya tersendiri dan matlamat berbeza," kata seorang pemerhati.

Ramai pakar ekonomi yang menyertai persidangan itu berpendapat, pembentukan suatu kumpulan ekonomi serantau di Asia Timur memang baik untuk menjamin masa depan Asean dan sebagai wadah untuk berhadapan dengan kumpulan ekonomi di Amerika dan Eropah.

Untuk itu, EAEG harus memiliki pengetahuan teknologi dan ketrampilan yang tinggi sebagai alat tawar-menawar sewaktu berunding dengan blok perdagangan Amerika dan Eropah.

Dalam persidangan Asean dan Ekonomi Dunia di Bali, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong disifatkan sebagai orang kuat Datuk Seri Dr Mahathir. Beliau berpendapat, tanpa suatu kumpulan ekonomi seperti EAEG, ekonomi Asean akan ketinggalan.

wujudkan suatu blok perdagangan di utara, tengah dan selatan benua Amerika.

Dua kumpulan ekonomi ini dilihat akan merugikan Asean apalagi jika mereka tidak mahu mengimport barangan daripada Asean dan tidak berminat melaburkan modal di rantau ini.

Bagi Goh, adalah wajar Asean khuatir terhadap kecenderungan ekonomi antarabangsa. "Asean harus lebih kompetitif dan bergerak dalam satu pasukan yang lebih besar. EAEG adalah satu daripada wadahnya," kata beliau lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir mahu Asean tidak tersisih atau disisihkan. Beliau tidak nampak mengapa Asean dan negara Asia timur tidak boleh membentuk suatu kumpulan ekonomi yang tidak mengamalkan sistem blok seperti Amerika dan Eropah.

Perjalanan Perdana Menteri untuk memastikan EAEG terbentuk memang masih panjang. Walaupun sudah menjadi gagasan Asean, tapi bebannya dipikul Malaysia terutama Datuk Seri Dr Mahathir yang benar-benar mengetahui sebab dan mengapa EAEG itu harus diwujudkan.

Walaupun Malaysia negara kecil, tapi suara Datuk Seri Dr Mahathir cukup bersemangat dan yakin. Jepun, China, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong sedang meneliti suara dan nada beliau sebelum membuat keputusan rasmi. Dan Perdana Menteri yakin negara-negara itu akan mendokong konsep EAEG.